

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA  
MERICAN  
[ KEPALA BATAS – BN ]**

**TARIKH : 21 MEI 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN (NO. 70)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan kejayaan Kementerian dalam memperkasa Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) untuk generasi muda Malaysia bersaing di era globalisasi ini.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejayaan Kementerian dalam memperkasa Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) untuk generasi muda Malaysia bersaing di era globalisasi ini adalah melalui Program Transformasi Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN). Program Transformasi IKBN telah dimulakan pada April 2014. Aspirasi di dalam Program Transformasi IKBN meliputi :

**A) KEBERHASILAN SISTEM:**

- i. > 90% pengambilan pekerjaan daripada 80% pada masa kini
- ii. +10% gaji permulaan yang lebih tinggi berbanding gaji purata negara
- iii. < 10 tahun pulangan pelaburan (ROI) berbanding 10.6 tahun pada masa kini
- iv. Penilaian >8/10 kepuasan pelajar berbanding 7/10 pada masa kini

**B) KEBERHASILAN PELAJAR:**

- i. Kecekapan teknikal
- ii. Kepimpinan
- iii. Semangat keusahawanan

## SULIT

2. Kejayaan inisiatif-inisiatif utama di dalam program Transformasi IKBN 2014 adalah seperti berikut :

- a) **Perkongsian dan MoU Majikan meningkatkan kualiti kebolehpasaran graduan.** Kementerian telah membuat 12 memorandum persefahaman MoU peringkat nasional bersama 10 syarikat iaitu Tan Chong Group, Samsung SDI, AEON, Petronas, Institut Teknikal Singapore (ITEES), Malaysia Automotive Institute (MAI), Themed Attraction Resort (TAR), Tune Hotel, Nilai Spring Resort dan UEM Group. Melalui memorandum persefahaman MoU ini, sebanyak 424 peluang pekerjaan dan On The Job Training (OJT) ditawarkan kepada pelajar IKBN dan 107 tempat bagi tenaga pengajar menjalankan Train of Trainers.
  
- b) **Membangunkan program bootcamp selama 12-14 minggu dengan diterajui oleh majikan.** Program bootcamp merupakan latihan kemahiran yang dijalankan secara intensif dengan kerjasama Nilai Spring Resort dan Nilai Spring Berhad bagi bidang Golf Service Assistant (GSA).
  
- c) **Strategi kursus untuk mengurangkan kos setiap pelajar melalui ekonomi skala.** Kementerian sedang menjalankan 4 tindakan bagi strategi kursus iaitu:
  - i. Bidang Penyaman Udara dari IKBN Bukit Mertajam ke IKBN Naka
  - ii. Bidang Elektronik dari IKBN Dusun Tua dan IKBN Alor Gajah ke IKBN Bukit Mertajam
  - iii. Bidang Fotografi dari IKBN Peretak ke IKBN Kuala Langat

**SULIT**

- iv. Bidang Mekanikal IPD dari IKBN Kuala Langat ke IKBN Dusun Tua dan Bidang Awam dari IKBN Dusun Tua ke IKBN Kuala Langat

Sekian, terima kasih.